

Syarat lulus universiti kepada MIC

UM 26 AUG 2001

IPOH 25 Ogos — Kerajaan tidak mempunyai halangan untuk meluluskan penubuhan universiti kepada MIC jika parti itu mampu dari segi kewangan serta terdapat permintaan, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menurut beliau, sebelum ini kerajaan memberi kelulusan kepada MCA untuk menubuhkan universiti swasta kerana mereka memenuhi kehendak kurikulum kebangsaan.

Kata beliau, universiti itu juga dibuka kepada sesiapa sahaja yang layak dan tidak khusus kepada ahli MCA atau kaum Cina sahaja.

“Ini bukan soal MIC atau MCA, kalau kita boleh berikan kelulusan kepada individu atau syarikat swasta kenapa tidak boleh bagi kumpulan ini, lagi pun mereka sudah lama mempunyai Kolej TAR (Tunku Abdul Rahman),” katanya.

Beliau menyatakan demikian kepada pemberita selepas Perhimpunan Patriotik 2001 yang dihadiri oleh lebih 5,000 pemimpin pelajar sekolah dari seluruh negara di sini, hari ini.

Dr. Mahathir mengulas hasrat MIC untuk turut memohon menubuhkan universiti, memandangkan kerajaan telah meluluskan penubuhan universiti oleh MCA sebelum ini.

Mengulas usaha pelajar, guru dan ibu bapa dari Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Ampang, di sini, menjahit bendera negara terbesar di dunia, Perdana Menteri berkata, ia merupakan tanda baik rakyat menghargai simbol negara.

Dr. Mahathir berkata, ia menunjukkan rakyat Malaysia menerima Jalur Gemilang sebagai simbol negara dan masing-masing berlumba-lumba untuk menghargainya.